

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN - BN]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 57)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kesediaan dan usaha Kementerian bagi melestarikan Kompleks Rakan Muda di seluruh negara agar penggunaan kompleks ini lebih menyeluruh dan bersifat mesra belia mengambil contoh Kompleks Rakan Muda Puchong yang telah dinaik taraf menjadi iM4U Sentral.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Rakan Muda (KRM) diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat khususnya golongan belia bagi menjalankan aktiviti masa lapang dan pembangunan sosial diri yang lebih konsisten serta dinamik dengan pengisian program dan aktiviti yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Dalam melestarikan Kompleks Rakan Muda sedia ada, pihak Kementerian turut membuka peluang kepada golongan belia untuk turut terlibat di dalam aktiviti seperti aktiviti sukan lasak, program-program kecergasan, program rekreasi, kursus ceramah motivasi serta kursus berbentuk keilmuan.
2. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan juga mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Kompleks Rakan Muda di seluruh negara dalam "Rolling Plan ke-2" Rancangan Malaysia Ke-11.

Sekian, terima kasih.